

Newspaper	Harakah
Date	9/3/2012

# Dolak-dalih Najib malukan Melayu

Harakah - 9/3/2012

**KUALA LUMPUR:** Keenganan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak untuk berdebat dengan Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim disifatkan sebagai satu tindakan memalukan kaum Melayu.

Bagi Naib Presiden PAS, Dato' Mahfuz Omar, dolak-dalih Najib ini berbeza dengan sikap yang ditunjukkan pemimpin parti Cina dalam BN (MCA) dan DAP dalam Pakatan Rakyat.

Bercakap kepada *Harakah* 6 Mac lalu, Mahfuz menyimpulkan kenyataan Najib yang hanya akan berbincang dengan mereka yang munasabah sahaja menunjukkan Najib sebagai pemimpin Melayu yang penakut.

"Kita dapat lihat Presiden MCA, Dato' Dr Chua Soi

Lek dan Ketua Menteri Pulau Pinang (DAP), Lim Guan Eng bersedia berdepan masyarakat mereka untuk menjawab persoalan isu semasa antara parti dan berkepentingan rakyat secara terbuka dalam debat yang dianjurkan baru-baru ini.

"Namun berbeza dengan Najib, pelawaan yang dibuat Anwar tidak diendahkan, sebaliknya menarik semula satu kenyataan awal (kesediaan berdebat) dengan kenyataan yang menonjolkan imej penakut beliau," kata Mahfuz yang juga ahli Parlimen Pokok Sena.

Beliau amat mengharapkan adanya debat antara Najib (selaku ketua BN) dan Anwar (selaku Ketua Pembangkang) dalam meng-



**Mahfuz Omar**

ungkap isu-isu semasa.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pemuda PAS, Riduan Mohd Noor pula berpendirian, kesediaan Najib hanya mahu berdebat mengenai politik dengan sesiapa saja yang berfikiran munasabah dan yang serius mengenai masa depan ne-

gara sebagai alasan untuk mengelakkan perdebatan.

Kata Riduan, Najib sebenarnya ketakutan untuk berdepan dengan pemimpin Pakatan Rakyat yang mahu berdebat dengan beliau serta gentar terhadap kebenaran yang bakal dibongkar di atas pentas perdebatan.

"Kerana itulah beliau terus beralasan dan mencari helah bagi mengelakkan pertembungan yang boleh menjatuhkan kredibiliti beliau," katanya.

Beliau melihat Najib lebih suka memilih 'menembak dari jauh' atau melalui satu pihak sahaja iaitu menggunakan sepenuhnya media utama negara daripada berdepan dengan hujah balas pihak lawan.

Ia mengulangi episod pemimpin-pemimpin Umno terdahulu yang gemar menyerang pembangkang melalui media tanpa diberi peluang pemimpin lawan mengemukakan hujah bagi menjawab tuduhan mereka, katanya.

"Jika pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat juga boleh dianggap 'tidak munasabah' dan tidak serius memikirkan masa depan negara seperti menurut perkiraan Najib, siapakah pula mereka yang boleh dianggap munasabah?"

"Mungkin Najib rasa hanya beliau dan orang partinya sahaja yang berfikir munasabah dan serius memikirkan masa depan negara manakala pihak lain tidak," ujarnya.